



MINYAK NAIK: BUAH KAPITALISME!

Pada 2 September lepas, rakyat Malaysia telah dikejutkan dengan kenaikan mendadak harga minyak. Kenaikan (atau pengurangan subsidi) petrol RON95 dan diesel sebanyak 20 sen telah menjadikan harga terbaru kedua-dua bahan bakar tersebut kepada RM2.10 dan RM2.00 seliter masing-masing. Dengan kenaikan ini, harga minyak yang telah tersedia mahal dan membebankan rakyat, kini menjadi semakin mahal dan semakin menyengsarakan rakyat. Dalam penjelasannya, Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata yang negara mampu menjimatkan kira-kira RM1.1 bilion tahun ini melalui pengurangan subsidi minyak dalam usaha menyalurkan dana tersebut kepada golongan yang benar-benar memerlukan. Rasionalisasi subsidi itu bertujuan menstrukturkan semula fiskal negara agar pasaran yakin dengan keadaan ekonomi negara, sekali gus membantu mencapai sasaran mengurangkan defisit keluaran dalam negara kasar (KDNK) kepada 3 peratus pada 2015 [UM 03/09/13]. Walau apa pun alasan yang diberi oleh Perdana Menteri, kerajaan telah jelas-jelas merampas hak rakyat dan hanya bertindak untuk kepentingan sendiri dan juga kroni. Kerajaan sama sekali tidak mengambil berat akan kemaslahatan rakyat dan tidak pernah mepedulikan hukum-hukum Islam dalam melakukan sesuatu tindakan. Hukum Allah dan Rasul berhubung harta milik umat (minyak) ini langsung tidak dipedulikan oleh Perdana Menteri dan juga menteri-menteri lain yang berada di dalam kerajaan. Sehubungan dengan perkara ini, Hizbut Tahrir Malaysia ingin menegaskan:-

Pertama: Minyak adalah harta milik umum (*milkiyah al-ammah*) - Perlu difahami bahawa kawasan cari gali dan takungan minyak yang ada adalah milik umat yang perlu diuruskan oleh negara, bukannya diserahkan kepada syarikat, baik syarikat dalam negeri atau luar negeri, untuk dieksploitasi sumber dan kekayaannya. Bukan juga dengan cara pembahagian hasil kerana kaedah pembahagian hasil menjadikan syarikat tersebut menguasai sumber minyak yang sebenarnya milik rakyat. Kaedah yang sepatutnya adalah, kerajaan (negara) melakukan eksplorasi melalui syarikat milik negara atau syarikat awam dan kos penyelenggaraannya diambil dari hasil penjualan minyak tersebut atau jika pendapatan negara adalah besar, maka negaralah yang akan menggaji pekerja untuk sektor ini.

Sekiranya negara tidak mempunyai teknologi dan pengetahuan (*know-how*) untuk mencari gali minyak ini, maka syarikat asing boleh dikontrak dengan syarat mereka hanya diberi upah untuk melakukan kerja cari gali, namun minyak itu tetap menjadi milik umat. Inilah prosedur yang patut dilakukan semasa melakukan kerja cari gali minyak, penapisan, penyaluran dan sebagainya, agar hukum syarak berkenaan minyak sebagai *milkiyah al-ammah* tidak dilanggar dengan unsur penguasaan oleh syarikat atau badan tertentu yang bertujuan meraih keuntungan. Pengambilalihan fungsi kerja negara oleh pihak swasta dalam pengelolaan harta awam ini jelas akan menyebabkan semakin meningkatnya harga barang dan perkhidmatan, kerana tujuan dari penubuhan firma swasta adalah untuk mendapatkan untung, sedangkan tugas negara adalah untuk memelihara dan menjaga kebajikan rakyat, bukan untuk meraih keuntungan. Hakikatnya, kenaikan harga minyak sudah tentu menyebabkan kenaikan harga barangan keperluan yang lain kerana krisis kenaikan harga minyak selama ini memang telah menyebabkan naiknya Indeks Harga Pengguna (CPI). Keadaan ini tentunya akan memperparah lagi keadaan dan menyebabkan rakyat semakin menderita.

Kedua: Dari segi agihan minyak – Tugas negara adalah untuk ‘menyelia’ urusan pemilikan awam dan bukan untuk menjadikannya sebagai ‘milik’ negara. Ini kerana, untuk mendapatkan bahan bakar ini, rakyat secara perseorangan tidak mampu mendapatkannya, maka negaralah yang menyelianya. Maka, kedudukan minyak yang merupakan harta milik awam perlu diagihkan oleh negara kepada umat tanpa mengira sama ada mereka itu lelaki atau perempuan, kanak-kanak atau dewasa, kafir zimmi atau Muslim. Ditegaskan di sini bahawa pada asalnya, negara sepatutnya mengagihkan hak rakyat ini secara sama rata atau negara boleh membekalkannya kepada rakyat dengan harga kos dan sekiranya terdapat keuntungan dari penjualan bahan bakar ini, ia akan dimasukkan semula ke dalam tabung khas yang kemudiannya akan digunakan untuk kemaslahatan umat seperti membiayai kos pembangunan dan kemudahan awam atau boleh juga diagihkan semula ke dalam akaun individu setiap warganegara.

Hubungan negara dengan rakyat dalam agihan minyak sebagai *milkiyah al-ammah* ini bukanlah merupakan hubungan antara ‘penjual dan pembeli’ ataupun hubungan antara ‘perampas dengan orang yang dirampas’ atau hubungan ‘penindas dengan yang orang ditindas’ sebaliknya hubungan yang wujud adalah hubungan antara ‘pemelihara/penjaga dan yang dipelihara/dijaga’. Dengan kata lain, ia adalah hubungan pengurus (negara) -yang mengurus urusan rakyat- dengan rakyat, yang berhak menikmati harta kekayaan milik umum tersebut. Ini adalah kerana, menurut Islam, kedudukan pemimpin adalah sebagai pemelihara, bukan sebagai penyeksa umat

dan bukan sebagai orang yang mengaut keuntungan dari umat atau dari harta milik umat, sebagaimana sabda Rasulullah SAW, “*Imam (pemimpin) itu adalah pemelihara, dan dia akan dipertanggungjawabkan dari apa yang dipeliharanya (rakyatnya)*” [HR Bukhari].

Ketiga: Berkenaan dengan subsidi - Subsidi adalah pemberian negara dari harta ‘milik negara’ (bukan ‘milik umum’) kepada individu, pihak swasta, badan-badan atau pertubuhan-pertubuhan. Dalam kes bahan bakar ini, negara tidak dapat dikatakan memberikan subsidi secara hakiki, kerana negara sebenarnya telah merampas ‘harta umum’ (yang merupakan hak rakyat), lalu menjualnya semula kepada rakyat (dengan harga subsidi). Justeru, istilah ‘subsidi’ hanyalah digunakan untuk menipu dan mengelabui mata rakyat agar negara dilihat sebagai pihak yang baik.

Keempat: Sesungguhnya kenaikan harga minyak ini berlaku tidak lain kerana diterapnya sistem sekular Kapitalisme di dalam negara pada hari ini. Inilah buah kapitalisme. Sama ada sedar atau tidak, pemerintah yang menganut ideologi Kapitalis hanya memerintah untuk meraih sebanyak mungkin ‘manfaat’ (keuntungan) dunia, bukannya memerintah untuk meraih redha Allah di dunia dan syurga Allah di akhirat. Sistem ekonomi Kapitalis yang merupakan sistem kufur telah dijadikan tunjang perekonomian negara saat ini dan sistem inilah yang sebenarnya telah menyebabkan rakyat menderita, manakala golongan Kapitalis (termasuk pemerintah) bertambah kaya raya. Inilah hakikat ideologi Kapitalis yang

dijadikan asas pemerintahan negara yang telah merampas hak rakyat semahunya. Kerana itu, sistem sekular/kufur ini mesti dihapuskan dan diganti dengan sistem ekonomi dan sistem pemerintahan Islam (Al-Khilafah) yang akan mengembalikan semula hak rakyat ke tangan rakyat. Khalifah, sebagai ketua negara adalah bertanggungjawab untuk menerapkan hukum Islam berdasarkan Kitabullah dan Sunnah RasulNya. Khalifah adalah orang yang memikul amanah Allah untuk memelihara rakyat, bukannya menzalimi rakyat sebagaimana pemerintah di dalam sistem kapitalisme sekarang.

Kelima: Hizbut Tahrir Malaysia dengan ini menegaskan bahawa kenaikan harga minyak yang dilakukan oleh Perdana Menteri Malaysia ini adalah satu bentuk kezaliman ke atas rakyat dan satu bentuk pelanggaran hukum dan maksiat yang nyata kepada Allah dan RasulNya. Hizbut Tahrir tidak meminta agar harga minyak diturunkan, kerana penurunan harga minyak (jika berlaku) sekalipun tetap merupakan suatu kemaksiatan kepada Allah dan RasulNya kerana minyak adalah milik umat dan mesti dinikmati oleh umat sewajarnya, bukannya dengan cara menaik atau menurunkan harga. Penurunan harga bukanlah penyelesaian yang datang dari Islam.

Keenam: Bahawa sesungguhnya segala penderitaan dan kesengsaraan yang menimpa umat pada hari ini tidak akan selesai selagi mana hukum Allah tidak diterapkan di dalam kehidupan dan negara. Hanya dengan kembali menegakkan syariat Islam dan mendirikan semula Daulah al-Khilafah, inilah satu-satunya penyelesaian yang hakiki bagi kita semua.

Hizbut Tahrir Malaysia dengan ini mengingatkan para pemerintah bahawa bahan bakar ini adalah *milkiyah al-ammah* dan wajib bagi pemerintah untuk mengembalikan milik umum ini ke tangan umat untuk dinikmati kekayaannya. Adalah haram bagi pemerintah untuk menaikkan harga, apatah lagi mengaut keuntungan dari harta milik umat ini.

Hizbut Tahrir Malaysia juga mengingatkan seluruh kaum Muslimin, sama ada dari kalangan pemerintah atau rakyat jelata, bahawa sesungguhnya negara ini tidak akan dapat keluar dari krisis yang membelenggu dan tidak akan mampu membebaskan diri dari segala malapetaka, kecuali apabila pemerintahnya berhukum dengan hukum Allah dan Rasul secara *kaffah*. Jika tidak, maka selamanya umat Islam akan berada di dalam kehidupan yang sempit dan akan mendapat seksaan dari Allah di akhirat kelak, *na'uzubillah min zalik*. Firman Allah SWT,

“Barangsiapa yang berpaling dari peringatanKu, maka sesungguhnya baginya kehidupan yang sempit dan Kami akan mengumpulkannya pada Hari Kiamat dalam keadaan buta” [TMQ Thaha (20):124].

Akhir sekali, Hizbut Tahrir Malaysia ingin mengingatkan pemerintah akan doa Rasulullah SAW terhadap pemerintah yang zalim,

“Ya Allah, siapa sahaja yang menjadi pengatur urusan umatku kemudian ia memberatkan mereka, maka beratkanlah dia” [HR Muslim].

DISKUSI: ISU SEMASA

Mesir: Ada Apa Di Sebalik Kejatuhan MORSI?

8 Sept 2013 (Ahad)
9.00pagi - 1.00tgh

Dewan Khilafah 27A, Tkt 1,
Jln Saujana Indah 4, Sek U2,
TTDI Jaya Shah Alam.

Ahli Panel
Alias Abd Aziz
[Aktivis HTM]
Abu Sulayman
[Aktivis HTM]

MASUK PERCUMA MUSLIMIN DAN MUSLIMAT DIJEMPUT HADIR
Keterangan Lanjut Hubung: 0132488355 (Jailani)

OPEN CIRCLE

SEMUA DIJEMPUT HADIR! MASUK PERCUMA!

MINYAK NAIK LAGI

RAKYAT TERUS DIZALIMI

7 SEPT 2013 (SABTU)
9.00 MLM - 11.00 MLM

KHILAFAH CENTRE
47-1, JALAN 7/7A, SEKSYEN 7
BANDAR BARU BANGI, SELANGOR
NO. TEL/FAKS: 03-8920 1614

Anjuran bersama:

MASUK PERCUMA MUSLIMIN DAN MUSLIMAT DIJEMPUT HADIR
Keterangan Lanjut Hubung: 0132488355 (Jailani)